

Rakyat Malaysia di Ukraine digesa segera hubungi kedutaan

Wisma Putra terus pantau keselamatan 20 warga berdaftar susulan ancaman serangan Russia

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Semua rakyat Malaysia yang berada di Ukraine dan belum berdaftar dengan Kedutaan Malaysia di Kiev digesa supaya segera menghubungi dan menjalani proses berkenaan.

Ia susulan kebimbangan penyerobohan Russia ke atas Ukrail-

ne dengan banyak negara kini menggesa rakyatnya meninggalkan negara itu, selain mengurangkan bilangan kakitangan diplomatik.

Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah, berkata Wisma Putra sedang memantau perkembangan semasa di Ukraine, terutama mengenai keselamatan 20 warga Malaysia yang berdaftar.

Beliau berkata, jumlah berkenaan termasuk dua pelajar, sembilan kakitangan kedutaan dan ahli keluarga mereka bagi memastikan keselamatan serta memberikan bantuan konsular jika diperlukan.

"Wisma Putra menggesa semua rakyat Malaysia yang berada di Ukraine dan belum berdaftar dengan Kedutaan Malaysia di Kyiv @MYEmbKyiv untuk menghubungi dan berdaftar dengan kedutaan dengan segera.

"Semua rakyat Malaysia di Ukraine dinasihatkan supaya memberi perhatian sepenuhnya terhadap keselamatan mereka dan mematuhi arahan dikeluaran pihak berkuasa tempatan," katanya menerusi ciapan di Twitter, semalam.

Terdahulu, agensi berita antarabangsa melaporkan, antara negara yang menggesa warganegara mereka meninggalkan Ukraine ialah Amerika Syarikat, Jerman, Itali, Britain, Ireland, Belgium, Luxembourg, Belanda, Kanada, Norway, Estonia, Lithuania, Bulgaria, Slovenia, Australia, Jepun, Israel, Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu.

BERNAMA pula melaporkan, Barat dan Ukraine menuju

Russia menempatkan anggota tenteranya berhampiran sempadan Ukraine sebagai persediaan untuk 'menyerang', sejak beberapa bulan lalu, namun Moscow menafikan tuduhan itu, berulang kali berkata pihaknya tidak mengancam sesiapa.

Selain itu, Moscow menyatakan kebimbangan terhadap aktiviti ketenteraan Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) berhampiran sempadan negaranya, yang dianggap mengugat keselamatan Russia.

Dalam perkembangan lain, Saifuddin berkata, Kedutaan Besar Malaysia di Manila kini membantu rakyat Malaysia yang terkandas di Lapangan Terbang Antarabangsa Ninoy Aquino untuk

memasuki Filipina, selain Kementerian Luar sedang berurusan dengan agensi berkaitan bagi memudahkan proses ini berjalan lancar.

Sementara itu, Wisma Putra dalam satu kenyataan berkata, rakyat Malaysia di Ukraine yang memerlukan bantuan konsular boleh menghubungi kedutaan secara terus di Kyiv mahu pun melalui e-mel mwkiev@kln.gov.my atau malaysiap@embkiev.com.

"Mereka juga boleh menghubungi kedutaan di talian +380 442 855 271 atau +380 988 387 885 (selepas waktu bekerja).

"Ini memudahkan kedutaan menghulurkan bantuan konsular kepada pihak memerlukan.

"Semua rakyat Malaysia di Ukraine dinasihat memberi perhatian sepenuhnya terhadap keselamatan mereka serta mematuhi arahan dikeluarkan pihak berkuasa tempatan," katanya.



Saifuddin Abdullah

Inisiatif Fit4Work tingkat potensi guna tenaga negara

Kuala Lumpur: Revolusi teknologi, perubahan cara kerja serta aliran gaya hidup menjadi faktor yang memberi impak terhadap peralihan budaya pasaran kerja hari ini.

Mendepani cabaran dan perubahan itu, semua pihak berwajib perlu memastikan infrastruktur diperkuuh dan bakat masa hadapan dibangunkan untuk memangkin pertumbuhan ekonomi.

Malaysia ke arah untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dan satu sasaran tetap diperlukan dengan menerajui perjalanan Greater Kuala Lumpur (Greater KL).

InvestKL, sebuah agensi galakan pelaburan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang menarik syarikat multinasional serta syarikat berkembang pesat ke Greater KL telah memperkenalkan Fit4Work, untuk meningkatkan kualiti dan daya saing graduan muda Malaysia.

Program ini menyasarkan peserta, potensi penempatan kerja dengan syarikat multinasional, syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat besar dalam industri perkhidmatan untuk tempoh minimum satu tahun selepas tamat latihan selama tiga bulan.

Dilancarkan pada 6 April untuk tempoh dua tahun, program

ini bertujuan memupuk tenaga kerja berkualiti, inovatif dan berpengetahuan untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara ke tahap lebih tinggi sambil mewujudkan peluang pekerjaan yang berkemahiran tinggi.

Ketua Pegawai Eksekutif InvestKL, Muhammad Azmi Zulkifli, berkata Fit4Work direka untuk menyokong agenda negara ke arah membina kumpulan kumpulan bakat Malaysia yang berdaya saing pada peringkat global.

"Program ini juga membolehkan graduan menguasai set kemahiran penting untuk melengkapkan keperluan industri perkhidmatan serantau yang merangkumi kemahiran kepemimpinan, pengetahuan global, dan pendedahan kepada industri baharu seperti Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), pendigitalan dan automasi," katanya.

Program Fit4Work turut disokong oleh industri dan universiti tempatan.

Pada 2021, 76 peratus graduan berjaya mendapat penempatan dalam industri.

Peserta juga menghargai program ini kerana selain sesi latihan yang memberikan mereka kemahiran diperlukan, graduan menyertai program Fit4Work juga menerima latihan daripada pelatih profesional dan berauliah, di samping

Fit4Work direka untuk menyokong agenda negara ke arah membina kumpulan bakat Malaysia yang berdaya saing pada peringkat global

**Muhammad Azmi Zulkifli,
Ketua Pegawai Eksekutif
InvestKL**

diberi pendedahan kepada persekitaran korporat.

Fatin Ahza Rosli antara peserta daripada kumpulan pertama yang mengikuti program unik ini.

Katanya, sepanjang mengikuti program itu pelbagai ilmu pengetahuan ditimba termasuk kemahiran asas peribadi, cara berkomunikasi, meningkatkan kemahiran diri dalam dunia korporat dan mempersiapkan diri untuk temu duga.

"Program ini membantu saya melengkapkan diri dengan ke-

mahiran penting dan memberi peluang untuk mempelajari kemahiran digital dengan Asia School of Business yang mana kami perlu membentangkan idea kami. Semua ini membantu kami meningkatkan keyakinan," katanya.

Menurut Fatin Ahza, latihan yang disediakan program itu sangat relevan untuk graduan muda dan ia bukan sahaja platform untuk golongan itu mendapatkan kerja, tetapi juga menempatkan peserta Fit4Work dalam syarikat yang bagus.

"Saya amat berharap agar program ini diteruskan pada masa akan datang agar lebih ramai lagi bakat muda dapat merebut peluang ini."

"Tiada yang lebih mahal daripada melepaskan peluang. Keleluar dari zon selesa anda dan rebut peluang sebanyak yang boleh," katanya.

Woo Jiun Hiao, 24, dari UTAR pula berkata, pada awalnya dia tidak mempunyai jangkaan tinggi terhadap Fit4Work bagaimanapun, teruja apabila program ini membolehkannya yang tidak mahir berkomunikasi mampu menguasai pelbagai kemahiran penting.

"Program ini menggalakkan penyertaan aktif peserta dalam perbincangan dan saya beruntung dapat membentuk hubungan baik dengan anggota

kumpulan yang mana setiap seorang memamerkan karakteristik baik yang boleh saya pelajari.

"Tenaga pelatih mempunyai kemahiran bertahun dalam bidang diceburi justeru, setiap nasihat disampaikan, membolehkan saya beradaptasi dalam merencana laluan kerjaya yang dinginkan," katanya.

Sementara itu, Navintran Vadivelu, 23, dari Universiti Nottingham, berkata penyertaan dalam Fit4Work membolehkannya mempelajari pelbagai kemahiran yang tidak diperoleh di universiti, termasuk pengendalian pembentangan berkesan serta cara terbaik bekerja dengan individu pelbagai latar belakang.

Katanya, beliau juga memasukkan input daripada sesi Perubahan Dinamik bersama pelatih Fit4Work, Koh Mui Han termasuk cara menghasilkan vitae kurikulum (CV) cemerlang yang membolehkannya menyeronlah berbanding pemohon lain dan seterusnya diambil bekerja.

"Fit4Work memberi keyakinan diri untuk saya menyampaikan idea yang mana kemahiran ini amat signifikan, terutama dalam laluan kerjaya ini yang membabitkan tadbir urus dan dasar kerajaan," katanya.